

TAEKWON-DO DITERUSKAN

# ATM galakkan sama silat olahraga

17 DEC 1987



■ RASHID CHE OMAR...pingat gangsa

ANGKATAN Tentera Malaysia (ATM) akan terus memberi tumpuan kepada taekwon-do di samping menggalakkan anggota-anggotanya membabitkan diri dengan silat olahraga yang kini diterima sebagai sukan yang dipertandingkan, lapor **MOHD RAHIME YUSOFF**.

**S. Harian (M)**

Kejayaan dua anggota ATM, Mazlan Shaari yang memperolehi pingat emas dan Rashid Che Omar (gangsa) di Kejuaraan Silat Sedunia baru-baru ini, memberi dorongan kuat kepada mereka untuk lebih bergiat.

Pengerusi Persatuan Seni Mempertahankan Diri ATM, Lt Kolonel Mohd Noor Jaafar, berkata walaupun kebanyakan yang menjalani latihan silat olahraga itu ialah anggota pasukan taekwon-do, ia tidak bererti mereka akan meninggalkan seni mempertahankan diri import itu.

Menurut beliau, sebaliknya mereka digalakkan memberi tumpuan kepada kedua-dua sukan mempertahankan diri itu, termasuk se bagai persiapan menghadapi semua peringkat kejohanan dua bidang itu.

Antara mereka yang terbabit dengan dua sukan itu ialah Musa Talib, Ramli Johar, Rahim Mohd Ali, Zainal Abidin Mustapha, Rashid Che Omar dan Mazlan Shaari yang kebanyakan mereka adalah juara dan naib juara taekwon-do kebangsaan baru lalu.

Mereka menjalani latihan di bawah bimbingan bekas jurulatih silat kebangsaan, Anuar Abdul Wahab daripada perguruan Gayong Fathani.

"Kami tidak akan mengenyakan taekwon-do yang sudah lama menaikkan nama ATM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kini hasrat kami untuk berjaya dalam silat pula," katanya.

Lt Kol Mohd Noor memberitahu, ATM menduduki tempat kelima di Kejohanan Taekwon-do Angkatan Tentera Sedunia di Seoul, Korea Selatan Oktober lalu selepas memenangi tiga pingat gangsa.

"Selain tugas menjaga keselamatan negara, ATM mahu menaikkan imej negara di peringkat antarabangsa melalui sukan dan kita akan buktikan bahawa seorang ahli sukan boleh menguasai dua bidang seperti taekwon-do dan silat olahraga serentak," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya akan mengemukakan permohonan kepada Pesekutuan Silat Kebangsaan (Peseka) untuk menjadi ahli gabungan agar dapat bertanding atas nama sendiri.